

**Ekonomi negara lebih teguh**  
**Utusan Online**  
**15 Mac, 2013**  
**Oleh AINUL ASNIERA AHSAN**

KUALA LUMPUR 14 Mac - Pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjurkan lebih teguh dan mapan sekiranya rakyat memberi mandat besar kepada Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, keyakinan itu berdasarkan keupayaan ekonomi negara mencapai pertumbuhan 5.6 peratus pada tahun lalu, meskipun dalam situasi tidak menentu.

"Kita tahu banyak pihak terkejut dengan pencapaian ekonomi negara tahun lalu kerana Bank Dunia pun hanya menasaskan pertumbuhan Malaysia 4.5 peratus pada awalnya dan kemudian menaikkannya kepada 5.1 peratus apabila melihat ekonomi kita memberangsangkan.

"Dalam keadaan sukar pun ekonomi berada pada tahap yang baik, kita yakin ekonomi lebih kukuh dan berdaya saing jika kerajaan sedia ada diberi mandat besar," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan program Peneraju Tunas Iltizam anjuran Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera di sini hari ini.

Yang hadir sama Ketua Eksekutif YPPB, Raja Azura Raja Mahayuddin.

Katanya, ekonomi pada tahun ini akan dipacu oleh projek-projek berimpak tinggi khususnya dalam sektor pembinaan, projek Aliran Transit Massa (MRT) dan pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang.

Sebagai contoh, katanya, projek MRT yang dimulakan pada pertengahan 2012 telah membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara dan sumbangan itu bakal diteruskan pada tahap lebih baik pada tahun ini.

Selain itu, tambah Nor Mohamed, pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) juga dilihat merencanakan perbelanjaan awam.

"Kita tidak ada masalah dengan prestasi ekonomi setakat ini, semuanya baik-baik belaka," ujarnya.

Dalam sidang akhbar itu juga, beliau berkata, insiden pencerobohan berdarah di Sabah sedikit pun tidak menjejaskan keyakinan pelabur langsung asing (FDI) dan pelaburan tempatan (DDI).

Sebaliknya, kata beliau, insiden itu memberi gambaran sebenar bagaimana keupayaan kerajaan menangani pencerobohan tersebut sambil memastikan iklim ekonomi negara tidak terjejas.

"Bukan semua negara mampu berhadapan dengan insiden yang cukup menyedihkan bagi seluruh rakyat Malaysia. Tetapi pada masa sama, kerajaan tidak pernah lalai dalam aspek-aspek lain," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20130315/ek\\_01/Ekonomi-negara-lebih-teguh](http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20130315/ek_01/Ekonomi-negara-lebih-teguh)